

Headline	Galak kerjasama Proton Perodua		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	197,952
Page No	17	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	374 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 7,392
Frequency	Daily	PR Value	MYR 22,176



Mampu beri manfaat besar kepada vendor, industri automotif tempatan

Galak kerjasama Proton-Perodua

Oleh **KAMIL MASLIH**
 ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 6 Feb. - Perkongsian vendor di antara Proton Holdings Bhd. (Proton) dan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua) mampu meletakkan Malaysia dalam kedudukan terbaik sebagai pembekal komponen kereta di peringkat antarabangsa.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir (**gambar**) berkata, pihaknya menggalakkan kerjasama tersebut kerana ia dilihat boleh memperkasakan vendor tempatan.

"Memang sudah ada vendor yang membekalkan komponen bukan hanya kepada Proton dan Perodua tetapi juga kepada syarikat-syarikat lain, ini memang kita galakkan dan kita mahu mereka mengeksport.

"Saya yakin kerjasama ini akan meletakkan Malaysia di tahap lebih baik daripada beberapa negara dari

segi pembekalan komponen kereta," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persatuan Keusahawanan Pelajar (SEA) Universiti Kuala Lumpur (UniKL) di kampus UniKL-Malaysia France Institute

(UniKL-MFI), Bangi, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi UniKL, Datuk Dr. Adham Baba, Ketua Pegawai Eksekutif UniKL, Prof. Dr. Mazliham Mohd. Su'ud serta Dekan UniKL-MFI, Prof. Madya Haron Abas.

Mukhriz mengulas mengenai pertemuan yang akan diadakan antara pihak pengurusan tertinggi Proton dan Perodua pada minggu ini bagi membincangkan perkongsian vendor di antara kedua-dua syarikat.

Pertemuan yang diatitkan atas inisiatif Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) me-

nerusi agensinya Institut Automotif Malaysia (MAI) itu bertujuan meningkatkan daya saing kedua-dua syarikat berkenaan, selain sebagai strategi berkesan untuk memperkasakan vendor automotif tempatan.

Kerjasama itu juga dilihat boleh membuka peluang kepada vendor-vendor tempatan mewujudkan kerjasama strategik atau mengadakan penggabungan untuk meningkatkan lagi daya saing.

Sementara itu, mengulas mengenai pelancaran Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China (MCKIP) di Gebeng, semalam, Mukhriz yakin usaha itu akan menggalakkan lagi perdagangan antara Malaysia dengan China.

Katanya lagi, komitmen yang diberikan China dalam usahasama itu membuktikan isu kilang nadir bumi Lynas yang cuba dibangkitkan pembangkang tidak mempengaruhi kemasukan pelabur luar di kawasan pembangunan itu.



Headline	Galak kerjasama Proton Perodua		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	197,952
Page No	17	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	374 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 7,392
Frequency	Daily	PR Value	MYR 22,176



PIHAK pengurusan tertinggi Proton dan Perodua dijangka mengadakan pertemuan minggu ini bagi membincangkan potensi kerjasama antara kedua-dua syarikat pengeluar kereta nasional itu. - GAMBAR HIASAN